

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	03 DECEMBER 2016

Bukan kerana Najib Razak

Oleh ZULKIFLI JALIL
pengarang@utusan.com.my

UM - 3/12/2016

analisis



PADA 1987 ketika 11 jam sahaja lagi yang tinggal sebelum Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mempertahankan jawatan Presiden UMNO, beliau memanggil Ketua Pengawal Peribadinya, Mohamad Ali (Pak Ali).

"Ali pergi cari Najib cepat!" kata Dr. Mahathir kepada Pak Ali.

Najib yang ketika itu Ketua Pergerakan Pemuda UMNO perlu ditunjukkan kepada perwakilan sebelum perebutan jawatan presiden antara Dr. Mahathir dan Tengku Razaleigh Hamzah.

Apabila Najib masuk ke markas Dr. Mahathir di Hotel Hilton Kuala Lumpur, semua di situ bangun bertepuk tangan. Dr. Mahathir begitu gembira dengan kemunculan Najib.

Keesokannya, Dr. Mahathir menang tipis 43 undi mewanaskan Tengku Razaleigh - 761 berbanding 718 undi.

Sokongan Najib kepada Dr. Mahathir adalah penentu. Beliau telah memberi pengorbanan paling besar atas nama kesetiaan (wala') kepada Dr. Mahathir. Ini sehinggakan Dr. Mahathir seterusnya dapat mentadbir negara selama 22 tahun.

Itu antara cebisan prinsip wala' (kesetiaan) kepada pemimpin.

Wala' dan kesetiaan kepada pemimpin penting untuk memastikan UMNO mengharungi cabaran getir hari ini. Institusi presiden harus dijaga. Tidak ada istilah saya sokong parti, tapi tidak sokong presiden.

Kalau parti lemah, siapa yang akan menjadi ketua un-

tuk membawa parti ke hadapan? Situasi politik terkini yang 'mengepung' UMNO jika tidak dipecahkan, nasib kota Melaka kecundang di tangan soldadu Portugis pada 1511 pasti berulang.

Perlu diingat! sampai sekarang pun 'si Kitul' ada di mana-mana. Si Kitul adalah individu yang belot dan memainkan peranan kepada kehancuran Melaka. Si Kitul lah yang berperanan sebagai dajjal menabur fitnah dan memecahbelahkan orang Melayu - mengakibatkan kemusnahan kerajaan Melaka yang dulunya gah di seluruh pelosok dunia.

Akibat percayakan cakap Mendeliar dan Kitul, Sultan telah membunuh Bendahara Tun Mutahir dan Laksamana Melaka.

Akhirnya, bila orang Melayu Melaka berpecah dan bergaduh sesama sendiri akibat 'emas' dan 'wanita', orang luar mengambil kesempatan menjajah negeri Melayu.

Jika ahli parti tidak mengambil pengajaran, suatu hari UMNO akan diajar oleh dek perbuatan sendiri.

Moga UMNO dijauhkan dari sifat Kitul dan Mendeliar.

Jangan disebabkan fitnah, UMNO dan institusi presidennya dirobek-robek.

Wala' kepada pemimpin dan institusi presiden. Bukan kerana Najib Razak.